

UCAPAN
YB DATUK ABDUL RAHMAN DAHLAN
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN MALAYSIA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)
MELANA INDAH, JOHOR.
PADA 16 MEI 2015

(kata-kata aluan)

1. Alhamdulillah segala puji dan syukur ke hadrat Allah dengan izin dan limpah kurniaNya jua, saya berada di sini bersama anda semua di Sungai Melana bagi menyaksikan majlis perasmian Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak.
2. Saya melihat progres pembinaan PPR di sini dan Alhamdulillah setelah beberapa tahun perancangan, pembangunan perumahan di sini sudah siap dan bakal diduduki oleh rakyat negeri Johor.
3. Perdana Menteri sering berkata, "*Soal pemilikan rumah mampu milik akan sentiasa diberikan keutamaan demi kepentingan semua rakyat Malaysia*". Lantaran itu, agenda perumahan negara begitu dekat di hati beliau, di hati saya hatta di hati seluruh warga kementerian KPKT.

4. Untuk negeri Johor, perumahan adalah fokus utama Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri tahu yang perumahan ini adalah permulaan terbentuknya rakyat cemerlang. Betul?
Saya percaya, lahirnya ramai tokoh Johor bermula dari keselesaan dan kualiti sebuah rumah.

5. Saya juga percaya di rumah lah individu seperti Tun Hussein Onn berfikir, di rumahlah tempat Tan Sri Taib Andak membuat kira-kira dan di rumah jualah tempat Dato' Usman Awang menulis syair dan puisi indah yang jadi pegangan seantero nusantara. Semua yang duduk di hadapan saya ini, saya pasti, di rumah juga lah tuan-tuan dan puan-puan bersiap untuk menonton perlawanan pasukan JDT sama ada di rumah atau di mana-mana. Betul?

Saudara dan saudari sekalian.

6. Saya petik kata-kata Edward Cooke, "*Rumah adalah istana, kubu dan pertahanan untuk kita semua, ia juga sebuah ketenangan*". Ini memberikan konotasi bahawa melalui perumahan yang selesa, seseorang akan secara sendiri menjadikan persekitarannya sebagai satu tanggungjawab, dan dengan sifat bertanggungjawab ini berkuranglah masalah sosial dan meningkatlah tahap kehidupan sebuah masyarakat.

7. Rumah bukan setakat bumbung atas kepala semata, seseorang itu mampu mendapat ketenangan minda dan dapat merancang masa hadapan dengan lebih baik. Rumah menjadi penanda aras sebuah kehidupan di dalam satu komuniti. Rumah juga menjadi impian segenap lapisan masyarakat untuk dimiliki. Bukan sahaja menjadi satu kebanggaan memiliki (*pride of ownership*), namun dengan memiliki sebuah rumah, saya percaya sebagai ketua keluarga ia juga memberi keyakinan, kebebasan dan perasaan kepunyaan (*sense of belonging*).

8. Benarlah kata-kata Confucius "*Kekuatan sebuah negara bergantung kepada kesempurnaan dan integriti sesebuah rumah*". Oleh yang demikian, saya menyeru semua untuk terus menyokong langkah Kerajaan yang juga menginginkan pembangunan yang seimbang.

Saudara dan saudari sekalian,

9. Program Perumahan Rakyat (PPR) ini adalah inisiatif kerajaan Malaysia untuk memastikan rakyat memiliki kediaman yang selesa dan mampu milik. Keperluan perumahan atau kediaman merupakan satu keperluan asas yang penting untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan menyumbang kepada kesejahteraan sosial rakyat. Dalam usaha kerajaan membangunkan negara dari segi ekonomi dan kemajuan yang pesat, kerajaan terus menyediakan bekalan rumah mampu milik bagi golongan yang berpendapatan rendah.

10. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memastikan usaha ini berterusan dan menyediakan pelan strategik dalam merealisasikan harapan rakyat lalu menangani kekangan perumahan yang dihadapi rakyat.

11. Pada tahun 2013, Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk menyediakan satu (1) juta rumah mampu milik (RMM) melalui pelbagai program pelaksanaan dalam tempoh (5) tahun. Kementerian saya KPKT, sedang, telah dan akan terus memastikan penyediaan rumah mampu milik (RMM) melalui pelbagai program ini berterusan. Sehingga kini 95,000 unit telah siap dibina, 42,857 unit berada dalam fasa pembinaan dan 249,468 unit dalam perancangan. Agensi-agensi kerajaan lain seperti Jabatan Perumahan Negara, SPNB dan agensi Kerajaan Negeri turut sama memikul amanah rakyat untuk merealisasikan harapan ini. Setakat hari ini, Kerajaan telah menyiapkan 75,191 unit rumah untuk 300,000 rakyat.

Saudara dan saudari sekalian.

12. Rakyat Malaysia patut berasa beruntung kerana kita punyai kepimpinan yang didokong YAB Perdana Menteri. Beliau prihatin dan sering mendengar suara rakyat dari pelbagai segi terutamanya perumahan. Pelbagai usaha telah dijalankan bahkan sebelum beliau menjawat jawatan Perdana Menteri.

13. Sewaktu menjadi Menteri Besar Pahang, beliau melancarkan beberapa kawasan perumahan untuk rakyat. Kemudian semasa beliau jadi Menteri Pertahanan, selain daripada membeli aset ketenteraan dan mengurus hal ehwal pertahanan, beliau terus menjadikan perumahan sebagai agenda utama pembangunan dengan membina kompleks perumahan Angkatan Tentera. Beliau tahu, untuk menjadi seorang anggota tentera yang baik, yang sanggup menggadai nyawa demi Negara, mereka juga ingin rumah yang selesa diri dan keluarga.

14. Kemudian masa beliau jadi Menteri Pendidikan beliau sediakan perumahan khas untuk guru-guru. Dato' Sri Najib melihat pentingnya rumah untuk guru-guru ini kerana untuk jadi guru yang cemerlang, seorang guru perlukan perumahan yang selesa selepas seharian berada di sekolah. Di situ jugalah mereka bersama keluarga, dan di situ juga lah mereka berfikir untuk menempuh hari seterusnya.

15. Beliau mendengar, tuan-tuan dan puan-puan. Beliau mendengar keluhan rakyat dan beliau berusaha untuk merealisasikan apa yang dikatakan keperluan asas sesebuah masyarakat.

Saudara dan saudari sekalian.

16. Kemudian selepas bergelar Perdana Menteri, fokus beliau terhadap isu perumahan jadi lebih mampan. Selain daripada Program Perumahan Rakyat (PPR), antara lain projek atau dana yang dilulus Perdana Menteri antaranya :
 - RM 100 juta yang untuk pembangunan semula projek terbengkalai,
 - 632 rumah transit bagi pasangan muda,
 - 100,000 unit rumah untuk golongan penjawat awam,
 - 1504 unit perumahan Felda di Rompin.

17. Keprihatinan YAB Perdana Menteri bukan setakat merancang namun bertindak ketika rakyat sangat memerlukan. Sedang rakyat di Kelantan teruk di landa musibah banjir, beliau tampil memberikan bantuan. Beliau meluluskan projek pembinaan rumah kekal di Manik Urai agar tidak di naiki air banjir.

18. Tak cukup dengan itu, Dato' Sri Najib bukan sahaja membina pembangunan dari sudut fizikal, YAB Perdana Menteri turut membantu belia untuk memiliki rumah. Antara sumbangan beliau adalah :
 - Skim Rumah Pertamaku
 - Skim Perumahan Belia dan,
 - Pengecualian 50 peratus duti stem ke atas perjanjian pinjaman.

Saudara dan saudara sekalian,

19. Di negeri Johor pula, Menteri Besar Johor telah memberi tumpuan kepada pembinaan lebih banyak rumah mampu milik di negeri ini. Ini dapat dilihat, apabila pembinaan rumah mampu milik diletakkan sebagai salah satu daripada tujuh fokus utama Pelan Suara Hati Johor.
20. Pelan Suara Hati Johor dibuat dari pungutan suara dan kajian oleh Kerajaan Negeri. Hasilnya, Johor merupakan negeri wahid kepada pembinaan rumah mampu milik. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Kerajaan Negeri dan Dato' Menteri Besar.
21. Untuk itu, sebagai Menteri yang memegang portfolio perumahan, saya berharap negeri-negeri lain dapat menjadikan Johor sebagai contoh dalam komitmen mereka membina rumah mampu milik untuk rakyat.
22. Jadi tidak hairan lah jika saya katakan bahawa selain Pahang, Johor adalah negeri yang saya kagumi pentadbirannya. Johor juga melahirkan pemimpin yang saya kagumi seperti Tan Sri Muhyiddin Yassin, Dato' Seri Hishamuddin, Tan Sri Shahrir Samad dan Datuk Nur Jazlan.

Saudara dan saudari sekalian.

23. Saya berharap YAB Perdana Menteri terus memimpin nakhoda Kerajaan walau badai melanda, kerana rakyat masih dahagakan cetusan dan idea yang diilhamkan daripada Dato' Sri. Saya juga percaya saf kepimpinan Johor dan rakyat Malaysia umumnya akan terus utuh berdiri di belakang Perdana Menteri & Timbalan Perdana Menteri untuk melonjakkan negara di mata dunia.

24. Walau apa pun cabaran dalam UMNO mutakhir ini, semangat setiakawan dan perpaduan di dalam kepimpinan UMNO hendaklah diteruskan. Kalau nak berceritakan tentang kesepakatan UMNO, di tanah Johor ini lah tempat lahirnya UMNO-di tangga Istana Besar Johor- pada tahun 1946 di mana pemimpin-pemimpin berhimpun untuk mempertahankan institusi kesultanan Melayu. Berkat daripada kesepakatan dan kesungguhan pemimpin ketika itu, UMNO terus utuh hingga kini.

25. Kudrat berkuda bertaut lantang
Mengalah lintar hujan berderai,
Ibarat nakhoda di laut terbentang,
Usahlah gentar taufan membadai.

Gunung Ledang menjadi tarikan,
Rakyat Johor segak rupawan,
Walaupun dihipit dengan tohmahan
PM teguh memimpin barisan.

26. Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian terima kasih.